

Inovasi i-Think menurut Perspektif Guru Inovatif Pendidikan Islam

Wan Ali Akbar Wan Abdullah*, Khadijah Abdul Razak,
Mohd Isa Hamzah

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Penghubung
wanaliakbar.kpm@gmail.com

Received: 7 August 2020
Accepted: 10 January 2021
Online First: 10 March 2021

ABSTRAK

i-Think adalah inovasi yang diperkenalkan oleh KPM sebagai alat berfikir untuk merangsang pemikiran aras tinggi pelajar. Ia dibina oleh pembina luar dan berbentuk atas ke bawah. Dari sudut yang lain, guru inovatif adalah kelompok yang biasa menghasilkan inovasi bawah ke atas dan merupakan pembina dalam. Keadaan ini membuka ruang kepada penerokaan pandangan guru inovatif mengenai *i-Think*. Kajian kes ini dijalankan terhadap lima guru inovatif Pendidikan Islam (GIPI). Data dikutip melalui temu bual mendalam dan separa struktur. Dapatan menunjukkan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam sepakat bahawa *i-Think* adalah inovasi yang baik, namun mereka berbeza ketika menggunakan *i-Think*. Dua GIPI menggunakan *i-Think* seperti yang disarankan, manakala tiga GIPI mengubahsui *i-Think* mengikut kreativiti mereka dan pelajar mereka. Kajian ini turut berjaya merungkai tiga isu yang ditimbulkan oleh GIPI mengenai *i-Think*, iaitu; pelajar sukar melukis *i-Think* mengikut bentuk yang betul, *i-Think* menyebabkan idea sedia ada sukar untuk dikembangkan dan *i-Think* tidak sesuai untuk semua pelajar yang mempunyai kepelbagaian kecerdasan. Dapatan ini memberi maklumat kepada KPM supaya melonggarkan kaedah penggunaan *i-Think* dalam kalangan para guru dan menyerahkan kepada



kebijaksanaan dan kreativiti para guru untuk mengubahsuai i-Think sesuai dengan kepelbagaian pelajar mereka.

Kata Kunci: *i-Think, Inovasi Pengajaran, Pendidikan Islam, Guru Inovatif.*

Innovative Islamic Education Teachers’ Perspectives on i-Think

ABSTRACT


i-Think is introduced by MOE as a thinking innovation to stimulate students’ higher order thinking skills. It is imported and top-down innovation. Meanwhile, bottom-up innovation is produced homegrown or by innovative teachers. These circumstances lead to the exploration of innovative teachers’ views on i-Think. This case study was conducted on five innovative Islamic Education teachers (GIPI). Data were collected through in-depth and semi-structured interviews. The findings showed that innovative Islamic Education teachers agree that i-Think is a good innovation, but they use it differently. Two GIPIs use i-Think as suggested, while three GIPIs adapt and adopt i-Think based on their creativity and students. This study also revealed three issues on i-Think based on GIPI’s perspectives, namely; students face difficulties in drawing i-Think accordingly, ideas are difficult to develop and i-Think is not suitable for students with multiple intelligence. These findings proved that MOE should loosen the use of i-Think among teachers and leave to teachers’ wisdom and creativity to adopt and adapt i-Think in keeping with their heterogenous students.

Keywords: *i-Think, Teaching Innovation, Islamic Education, Innovative Teachers.*

PENGENALAN

i-Think adalah salah satu inovasi yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar, 2018) berbentuk alat berfikir yang boleh digunakan ketika pedagogi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). i-Think adalah ringkasan daripada *innovative thinking*

(Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2017). Terdapat lapan peta pemikiran yang boleh disesuaikan mengikut tajuk berdasarkan fungsi yang unik bagi setiap peta (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012). Lapan peta tersebut ialah; peta bulatan, peta buih, peta buih berganda, peta pokok, peta dakap, peta alir, peta pelbagai alir dan peta titian.



Rajah 1: Lapan Peta Pemikiran i-Think

Selaras dengan pengenalan i-Think sebagai program rasmi KPM, maka banyak kajian dan penulisan dilakukan terhadap i-Think dengan pelbagai tujuan merangkumi pelbagai subjek. Antaranya penulisan yang memberi panduan aplikasi i-Think dalam matematik (Hassan et al. 2016). Selain itu, guru juga didapati mengaplikasikan i-Think dalam pengajaran, namun memberi fokus untuk kemahiran tertentu dan tidak digunakan secara menyeluruh (Ainon Omar & Haniff Abdul Zubiar, 2016). Hal ini mungkin kerana i-Think memang hanya sesuai digunakan pada topik tersebut dan bergantung kepada kebijaksanaan guru untuk menyesuaikan berdasarkan isi pelajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012).

Terdapat juga kajian yang dijalankan untuk membina modul i-Think bagi subjek tertentu seperti Bahasa Inggeris (Norma Yaakub et al., 2018), Sains (Azlili Murad & Norazilawati Abdullah, 2016) dan Matematik (Nur Hasanah Hamzah & Abdul Halim Abdullah, 2017). Dari sudut keberkesanan pula, beberapa eksperimen telah dijalankan dan i-Think terbukti berjaya

merangsang pemikiran aras tinggi pelajar dalam subjek seperti Bahasa Melayu (Abdul Rasid Jamian et al., 2017; Rohaida Yusop & Zamri Mahamod, 2015; Zamri Mahamod et al., 2019) dan Fizik (Saleh & Mazlan, 2019). Walau bagaimanapun, kajian Noornabilah Isah dan Tan Tong Hock (2019) mendapati tahap penggunaan i-Think oleh guru pelatih Matematik di IPG berada pada tahap sederhana. Berfokus kepada Pendidikan Islam, kajian Roselizam Daud dan Roslan Ab Rahman (2020) mendapati bahawa tahap penggunaan i-Think dalam kalangan guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi.

Oleh kerana i-Think adalah inovasi yang berbentuk atas ke bawah dan dibina oleh pembina luaran, maka menarik untuk meneroka pandangan guru inovatif tentang i-Think. Maksud konsep inovasi atas ke bawah ialah inovasi yang dihasilkan oleh kerajaan atau perniagaan tertentu, manakala maksud pembina luaran ialah inovator yang tidak berada dalam sistem (Serdyukov, 2017). i-Think dibina Dr. David Hyerle (Setar et al., 2019). Walaupun dia adalah pakar peta minda dan banyak mengkaji mengenai peta minda, namun dia bukan guru di Malaysia. Situasi ini yang membuka ruang kepada pengkajian mengenai penerimaan inovasi i-Think oleh guru inovatif di Malaysia. Hal ini kerana guru inovatif adalah kelompok guru yang biasa menghasilkan inovasi berbentuk bawah ke atas dan merupakan pembina dalaman. Inovasi bawah ke atas merujuk kepada inovasi yang bersifat akar umbi, manakala, pembina dalaman pula merujuk kepada inovator yang berada dalam sistem (Serdyukov, 2017). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka pandangan guru inovatif pendidikan Islam (GIPI) mengenai i-Think. Sehubungan itu objektif kajian ini adalah untuk meneroka pandangan GIPI mengenai i-Think. Bagi mencapai objektif kajian ini, ada tiga persoalan yang perlu dijawab, iaitu;

1. Apakah pandangan GIPI tentang i-Think?
2. Bagaimanakah GIPI mengaplikasikan penggunaan i-Think?
3. Apakah isu yang dihadapi oleh GIPI ketika menggunakan i-Think?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Sebanyak lima peserta kajian dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Dengan menggunakan teknik ini, pengkaji perlu mengenal pasti kriteria utama yang perlu ada pada setiap peserta kajian (Merriam 2009). Oleh hal yang demikian, empat kriteria digariskan, iaitu; 1) berpengalaman mengajar Pendidikan Islam sekurang-kurangnya 10 tahun, 2) pernah menghasilkan inovasi pengajaran dalam Pendidikan Islam, 3) pernah memenangi pertandingan inovasi pengajaran sekurang-kurangnya di peringkat negeri, dan 4) mudah didekati dan boleh memberikan kerjasama. Data dikutip menggunakan kaedah temu bual mendalam dan separa struktur. Temu bual mendalam adalah perbualan antara pengkaji dan peserta kajian berkenaan dengan topik tertentu untuk meneroka idea peserta kajian (Bogdan & Biklen, 2003).

Penganalisan data dibuat menggunakan kaedah analisis perbandingan berterusan, iaitu membandingkan set data daripada seorang peserta kajian dengan seorang peserta yang lain. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat membanding beza kategori yang terdapat pada data peserta pertama dan peserta seterusnya (Bogdan & Biklen, 2003). Data dikutip sehingga tepu, iaitu data berhenti dikutip apabila pengkaji tidak menemui apa-apa data baru (Creswell & Creswell, 2018).

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab tiga persoalan, iaitu; 1) pandangan GIPI tentang i-Think, 2) kaedah GIPI menggunakan i-Think, dan 3) isu yang timbul ketika menggunakan i-Think. Bagi persoalan pertama, i-Think diiktiraf oleh peserta kajian sebagai inovasi. Hal ini kerana, bagi peserta kajian, i-Think sebenarnya diubahsuai daripada peta minda. Walau bagaimanapun, ia adalah inovasi bagi inovator dan tidak boleh diiktiraf sebagai inovasi bagi pengguna i-Think. Jelas Ustazah Khadijah:

Kalau orang yang buat (i-Think) tu (inovasilah)... tapi sebenarnya bagi dia mungkin inovasi sebab dia ubahsuai daripada peta minda. Kalau ikutkan benda tu dulu lagi dah ada,

kan? Kalau i-Think, kita ubahsuai, keluarlah i-Think... kan? Bagi dia inovasilah... Bagi saya, tak tahu nak cakap. Sami'na wa ato'na kot. Follow jelah...

i-Think dianggap sebagai satu bentuk nota moden berbentuk visual berbanding dengan nota biasa yang berbentuk teks dan poin. Kata Ustazah Hafsah, “*macam i-Think tu bagus jugak, budak-budak boleh buat bentuk, tak de lah buat nota kuno macam tu je kan.*”

Walau bagaimanapun, bagi persoalan kedua, peserta kajian tidak sepakat mengenai cara menggunakan i-Think. Sebahagian peserta kajian cenderung untuk menggunakan i-Think sebagaimana panduan yang diberikan oleh KPM, manakala sebahagian yang lain mengubahsuai bentuk i-Think mengikut kreativiti mereka. Perbezaan cara menggunakan i-Think ini memberi kesan kepada pandangan mereka mengenai persoalan ketiga, iaitu isu yang timbul ketika menggunakan i-Think.

Menggunakan i-Think mengikut Panduan yang diberikan

Sebahagian peserta kajian mengakui bahawa mereka menggunakan i-Think mengikut panduan dan ketetapan yang diberikan oleh KPM. Walaupun pelajar diberi kebebasan untuk menggunakan apa-apa jenis peta minda yang lain, namun jika arahan guru agar pelajar menggunakan i-Think, maka pelajar mesti mematuhiinya. Keadaan ini bermaksud pelajar perlu menggunakan i-Think berdasarkan paten yang telah ditetapkan. Hal ini dijelaskan oleh Ustazah Hafsah:

Tak (ubah langsung i-Think tu), sebab..err.. pada saya kalau nak buat petak-petak itu, itu zaman-zaman dulu itu kita boleh guna juga. Ha, saya ada juga kata, “Okay, buat..”, apa ni? Kita panggil peta minda. Yang berakar-akar macam itu kan? Ha, ada juga yang minat buat macam itu tak apa. Tapi kalau arahan kita itu, “Okay, i-Think”, diaorang kena buat i-Think.

Keadaan ini berlaku kerana mereka mengakui bahawa i-Think akan dapat memudahkan pengajaran mereka kerana struktur paten yang tekal dan sedia ada. Ujar Ustazah Hafsah, “*tapi sebenarnya kalau kita guna pakai, memang senang.*” Oleh itu, guru tiada pilihan, melainkan perlu mengajar

pelajar sehingga mahir menggunakan i-Think dengan betul. Jelas Ustazah Hafsah:

Ha, pada saya, senang lah sebab diaorang dah tahu basic. Yang ini bulatan apa, tulis apa, apa semua lah kan. Cuma kita arahkan okey, apa yang saya ajar ni cuba, katakan lah berkesan, buat dalam bentuk ini. Okay, cuba bandingkan... Er... Apa? Isi yang ini dengan isi yang ini. Tajuk yang ini dengan yang ini. Ha, bandingkan. Contohnya, perbandingan antara konvensional dengan... err... Muamalat Islam contoh kan? Jadi, diaorang buat dalam bentuk apa. Dia mesti tahu lah i-Think tu i-Think apa kan?

Oleh itu, satu kejayaan bagi guru apabila pelajarnya tahu mengaplikasikan i-Think dengan betul. Kata Ustazah Hafsah, “*Ha, (jika pelajar berjaya guna peta i-Think sesuai dengan fungsinya) jadi berjayalah kita maknanya. Dia dah boleh buat okay lah tu. Kita banyak sebenarnya kalau kita guna betul-betul, kita ni macam tak susah macam tu lah. Tak adalah begitu saja.*”

Apabila pelajar telah mahir menggunakan i-Think, maka guru tidak perlu lagi memberikan arahan secara spesifik, sebaliknya mereka cuma perlu mengeluarkan arahan umum seperti “Bina i-Think bagi topik ini”. Selepas arahan diberikan, pelajar akan dengan sendirinya menghasilkan nota berasaskan peta pemikiran i-Think yang sesuai, sama ada peta bulat, peta buih, peta buih berganda atau lain-lain. Kesannya, guru telah menerapkan elemen pembelajaran sendiri dalam diri pelajar. Kata Ustazah Hafsah, “*Sebab maksud saya, kita tak ada lah tumpu pada guru sahaja yang kena susun, cari bahan apa semua. Murid pun boleh buat (nota). Sebenarnya, murid boleh buat. Kita saja tak percaya.*”

Kelebihan penggunaan i-Think dan pengetahuan pelajar mengenai fungsi i-Think dengan baik menyebabkan ada peserta kajian yang mengadaptasi i-Think dalam inovasi yang mereka hasilkan. Ujar Ustazah Zainab, “*Haah dia gabung-gabungkan (inovasi saya dan i-Think). benda tu penting jugak. Sebab budak, bila budak ada dalam diri dia tu bila kita sebut peta buih apa... ahhh senang.*”

Walau bagaimanapun, ada guru inovatif mengambil jalan mudah dengan menggunakan template i-Think yang dijual di pasaran. Apabila KPM memperkenalkan i-Think untuk kegunaan pengajaran di sekolah, syarikat-syarikat penerbitan mengambil peluang untuk membekalkan modul berasaskan i-Think. Oleh hal yang demikian, para guru membeli modul itu untuk digunakan dalam pengajaran mereka. Modul sedia ada itu memberi kemudahan kepada guru untuk menayangkannya kepada pelajar untuk dijadikan panduan kepada mereka dalam menulis nota berasaskan peta i-Think. Hal ini diakui oleh Ustazah Aisyah, katanya:

Guna juga (i-Think dalam pengajaran). Sebabnya, sebab guna power point. Beli benda tu memang dah ada i-Think. Memang ada dah sekarang. Dia jual, KSSM, semua tingkatan, maksudnya KSSM la, memang dah siap. Berpeta minda. Memang dah siap berpeta minda. Eh! Berpeta i-Think. Jadi memang kebanyakan tajuk (ada). Dia memang, macam contohnya sifat Rasulullah, kan? Masuk dalam peta apa tu? Peta buih. Memang ada dah dalam tu. Jadi, kita suruh budak tengok, buat peta ni, sama... Memang senang sangat dah sekarang.

Memberi Kebebasan kepada Pelajar untuk Mengubahsuai Bentuk i-Think mengikut Kreativiti Mereka

Sebahagian peserta kajian menyatakan ketidak selesaian apabila diarahkan menggunakan i-Think dalam pengajaran. Bagi mereka, isu hak cipta adalah isu besar. Pandangan ini dibina kerana merasakan i-Think adalah peta minda semata-mata dan tiada keperluan kepada hak cipta dan dihadkan kaedah penggunaannya. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Ibrahim, “*Ha... itu (i-Think) sebahagian (inovasi), cuma saya bagi saya, sebenarnya saya tak guna i-Think sangat, saya cuma istilahnya, kaedah-kaedah peta minda ini sebenarnya memang membantu sangat untuk budak. Cuma bila sebut i-Think ni, kadang-kadang bila orang dah paternkan, dan mesti guna i-Think, bagi saya itu saya tak setuju.*”

Oleh kerana itu, walaupun mengakui bahawa mereka menggunakan i-Think dalam pengajaran, namun format paten i-Think tidak dipatuhi. Hal ini seperti yang diakui oleh Ustazah Zainab, “*(Saya) guna (i-Think) juga tapi tak ikut dia punya format lah.*” Keadaan ini berlaku kerana beberapa

masalah. Satu, pelajar sukar untuk melukis bentuk mengikut panduan yang diberikan. Jelas Ustazah Zainab, “*Sebab budak-budak dia malas nak apa tu, malas nak, dulu-dulu memang lah pakai bulat bulat semua kan, buat bulat-bulat tu kene ambil ni, sudut la, nak buat bulat tu macam melambatkan. tu saya kata, buatlah asalkan peta tu lawa, cantik, senang nak baca, haaa lukis.*” Dua, format itu menyebabkan idea sedia ada sukar untuk dikembangkan. Ujar Ustazah Zainab, “*saya rasa i-Think tu dia macam, terlalu apa, terlalu tak, idea kita tak boleh nak kembang sangat.*” Masalah ini turut menyekat kreativiti guru inovatif yang lebih sukakan sesuatu yang berbentuk bebas. Jelas Ustazah Khadijah, “*Macam i-Think tu membuatkan saya tersekat. Sebab macam kena follow. Kena ikut cara tertentu. Bentuk dia i-Think begini... begini... Sedangkan saya nak lebih kepada freestyle. Sebab saya ada idea saya.*” Bukan sahaja guru, pelajar juga menghadapi masalah yang sama. Maka, ada peserta kajian yang memberi kebebasan kepada pelajar untuk tidak menggunakan i-Think, sebaliknya menggunakan peta minda biasa. Jelas Ustazah Zainab: “*Haah, saya buat, saya ajar-ajar, ok harini kita buat peta buih. dia dah tahu, peta pokok dia dah tahu, pastu dia kata...ustazah, peta sendiri boleh? boleh...*” Tiga, dari sudut pelajar, kognitif dan kecenderungan pelajar yang berbeza perlu diambil kira jika ingin menggunakan i-Think. Jelas Ustaz Ibrahim:

Sebab, adakah i-Think hanya i-Think sahaja yang sesuai untuk budak? Dan kena ingat, kognitif budak-budak ni berbeza-beza. Ada yang lebih selesa dengan peta yang bulat. Ada budak yang selesa dengan peta yang empat segi, tiga segi. Sedangkan kalau i-Think tu kalau bulat, bulat sahaja. Tak boleh nak ubah. Dan bagi saya, saya ikut selesa budak. Biar budak sendiri yang reka sendiri... jangan... Gambar kereta ke, gambar... kadang budak lelaki dia lebih suka gambar motor, contoh, gambar roda, go on. Buatlah apa nak buat, yang penting content dalam tu ada.

Maka, guru inovatif lebih cenderung untuk membiarkan pelajar mengubahsuai peta i-Think mengikut kreativiti mereka. Jelas Ustazah Khadijah, “*Sebab tu kadang macam bila suruh budak ni buat peta buih kan. Suka hati mereka lah. Macam mana nak buat peta buih. Saya tak ada suruh ikut betul-betul. Tak ada.*”

Oleh kerana itu juga, guru inovatif lebih selesa dengan peta minda yang bersifat bebas dan tidak mengikat berbanding i-Think yang mempunyai paten dan mengikat kreativiti mereka. Kata Ustazah Zainab, “*Dia i-Think ni dia ada dia punya, kalau ni, dia ada peta bulatan, peta buih, gitu gitu je kan, sedangkan kita ni boleh createkan macam-macam benda.*” Maka, jika arahan dibuat agar menggunakan i-Think, mereka tetap memberi kebebasan kepada pelajar untuk mengubahsuai peta i-Think mengikut kreativiti mereka. Jelas Ustaz Ibrahim, “*(Pelajar) boleh (ubah bentuk i-Think), boleh. Tak ada masalah. Tak kisah.*”

Kalau i-Think digunakan pun, hanya untuk membantu peserta kajian ketika memberikan pengajaran. Untuk nota, peserta kajian akan minta pelajar memindahkan isi pelajaran yang diajar menggunakan i-Think tadi dalam peta minda yang telah disediakan oleh guru. Maksudnya, peserta kajian mempunyai peta minda yang mereka hasilkan sendiri. Jelas Ustazah Khadijah:

Okey biasa guna i-Think ni kalau biasa bagi idea kat depan. Ha! Contoh peta bulat. And then peta buih, kan? Masukkan pendapat semua, masukkan. Okey, cepat. Itu saya guna, lebih kepada whiteboardlah. Tapi nak transfer semua perbincangan tu, dalam saya punya nota tu. Nota yang dah sedia ada. Jadi diorang, oh! yang ni, yang ni, ye. Okey masukkan.

Situasi ubahsuai i-Think diakui oleh peserta kajian sebagai melanggar isu hak cipta i-Think. Namun, matlamat akhir pengajaran adalah membantu pelajar memahami isi kandungan pelajaran. Matlamat itu perlu dicapai dengan apa-apa jua cara sekalipun. Penggunaan i-Think adalah salah satu cara, dan bukannya satu-satunya cara. Oleh itu, bagi peserta kajian, i-Think boleh dijadikan panduan, namun tidak semestinya diikuti. Jika ada kaedah lain yang lebih baik, maka gunakanlah. Jika tiada, hasilkanlah sesuatu yang lebih baik daripada i-Think. Jelas Ustaz Ibrahim:

Isu (langgar copyright kalau ubah), memang isulah. Isu memang isu. Kalau macam saya ni sejajurnya bila kita ceramah depan semua orang, memang i-Think ni kita gunakanlah i-Think into that, takpe? By the end, cikgu-cikgu sebenarnya it is just panduan. Cakap directlah, ni panduan, bukan semestinya kena

gunakan ini. Ini saya sebahagian sahaja untuk boleh membantu budak capai ini, yes, saya setuju, tapi bukan sepenuhnya 100% ini. Ada lagi i-Tong, i-Tong lain yang cikgu boleh pakai. Gunakan, create sendiri, gunakan sendiri.

PERBINCANGAN

Peserta kajian sepakat mengatakan bahawa i-Think adalah inovasi KPM. Di pihak GIPI, i-Think bukanlah inovasi kerana mereka hanyalah pengguna. Pandangan ini selaras dengan konsep inovasi atas ke bawah, iaitu inovasi yang dihasilkan oleh kerajaan (Serdyukov, 2017). Inovasi ini biasanya akan gagal jika tidak mendapat sambutan daripada pengguna. Penggunaannya adalah guru dan pelajar. Kejayaan dan kegagalan penyebar luasan inovasi dijelaskan dalam Teori Difusi Inovasi oleh Rogers (1983) yang menyatakan bahawa inovasi itu akan berjaya jika diterima dan digunakan oleh pemakai awal yang berjumlah 13.5%. Daripada lima GIPI yang dikaji, hanya dua peserta kajian yang menerima i-Think secara total. Tiga peserta kajian lagi cenderung untuk mengubahsuai i-Think mengikut kreativiti mereka, atau membiarkan pelajar mengubahsuai bentuk-bentuk i-Think itu mengikut kreativiti pelajar mereka.

Kecenderungan GIPI untuk mengubahsuai i-Think oleh tiga peserta kajian sesuai dengan sifat inovator sepertimana yang digariskan oleh para sarjana kreativiti dan inovasi, antaranya; suka mencuba, sanggup terima kritikan, berani ambil risiko, merintis dan meneroka idea baru (Noor Hisham Md Nawi, 2014), suka mengejar matlamat tanpa batasan, tidak terikat dengan peraturan sedia ada (Kirton, 1976), mempunyai pendapat sendiri, sentiasa mengemukakan pandangan pelik tetapi berfaedah (Hasan Langgulung, 1991), berani ambil risiko, memiliki autonomi dan tidak patuh (Dawson & Andriopoulos, 2017), sentiasa reflek terhadap tindakannya, banyak idea dan berpendirian (Isbell & Raines, 2012), mempunyai idea yang gila-gila, berdikari dan berautonomi dalam membuat keputusan serta sentiasa mahukan yang terbaik (Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., 2019). Sebaliknya dua peserta kajian lagi yang lebih selesa menerima i-Think secara total mungkin kerana karakter pemimpin lebih mendominasi diri mereka berbanding karakter inovator. Pemimpin sentiasa digariskan oleh sarjana sebagai penyesuai awal yang lebih selesa menggunakan inovasi sedia ada

(Kirton, 2003; Mohd Azhar Abd Hamid et al., 2006; Rogers, 1983). Melalui Teori Adaptif-Inovasi, Kirton (2003) mengatakan bahawa penyesuai dan inovator sama-sama kreatif, namun mempunyai cara yang berbeza.

KESIMPULAN

Dapatan menunjukkan i-Think diiktiraf sebagai inovasi oleh peserta kajian. Peserta kajian turut mengiktiraf kebaikan i-Think dan sesuai digunakan sebagai perangsang daya fikir aras tinggi pelajar. Namun, inovator i-Think tidak boleh menyekat kreativiti guru dan pelajar dengan isu hak cipta. i-Think perlu sentiasa bersedia untuk diubahsuai sama ada berbentuk adaptasi ataupun kombinasi. Adaptasi dan kombinasi sememangnya adalah dua elemen inovasi (Lednor, 2019). Penerimaan kepada pengubahsuaian itu penting untuk meraikan daya kreativiti dan inovasi para guru dan pelajar serta selaras dengan maksud untuk meraikan kepelbagaian pelajar yang ada. Yang penting adalah matlamat akhir penggunaan i-Think itu tercapai.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pihak KPM, JPN, pentadbir sekolah dan peserta kajian yang terlibat. Kajian ini dijalankan dengan kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (Ref. no: KPM.600-3/2/3-eras(7431)) dalam surat bertarikh 23 Jun 2020.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil. 2017. Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1): 51–59.
- Ainon Omar & Haniff Abdul Zubiar. 2016. Teachers' Implementation of the i -think Program in the ESL Classroom: A Case Study. *International Journal of Sciences Arts and Commerce* 1(9): 33–45.

- Azlili Murad & Norazilawati Abdullah. 2016. Pembangunan Modul Peta Pemikiran i-Think bagi Mata Pelajaran Sains Tahun 5 Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 6(2): 44–53.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2012. Membudayakan Kemahiran Berfikir. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2013. KBAT: Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. 2003. *Qualitative Research for Education*. Singapore: Allyn and Bacon.
- Creswell, J. W. & Creswell, J. D. 2018. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. United States of America: SAGE Publications.
- Dawson, P. & Andriopoulos, C. 2017. *Managing Change, Creativity & Innovation*, hlm. 3rd Editio. Singapore: SAGE Publications.
- Hasan Langgulung. 1991. *Kreativitas dalam Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Hassan, S. R., Rosli, R. & Zakaria, E. 2016. The Use of i-Think Map and Questioning to Promote Higher-Order Thinking Skills in Mathematics. *Creative Education* 7: 1069–1078. doi:10.4236/ce.2016.77111
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2017. *Panduan Latihan Kursus i-Think Bersemuka*. Cyberjaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Isbell, R. & Raines, S. C. 2012. *Creativity and the Arts with Young Children*. Singapore: Wadsworth Cengage Learning.
- Kirton, M. 1976. Adaptors and Innovators: A Description and Measure. *Journal of Applied Psychology* 61(5): 622–629. doi:10.1037/0021-9010.61.5.622

- Kirton, M. J. 2003. Adaption-innovation: In the Context of Diversity and Change. *Adaption-Innovation: In the Context of Diversity and Change*. London and New York: Routledge: Taylor & Francis Group. doi:10.4324/9780203695005
- Lednor, P. W. 2019. How to be Innovative. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Merriam, S. B. 2009. Qualitative Research. Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Koharuddin Balwi & Muhamed Fauzi Othman. 2006. Reka Cipta & Inovasi dalam Perspektif Kreativiti. Skudai: Penerbit UTM.
- Noor Hisham Md Nawi. 2014. Sinergi Pemikiran Islam Kritis Kreatif. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Noornabilah Isah & Tan Tong Hock. 2019. Penggunaan Peta Pemikiran i-Think dalam Amalan Pedagogi Matematik dalam kalangan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II XXI(Dis)*: 49–61.
- Norma Yaakub, Radzuwan Ab. Rashid & Noormaizatul Akmar Muhammad Nasir. 2018. Developing Critical Thinking Skills Through i-Think Maps: An Action Research. *International Journal of English Linguistics* 8(7): 42–49. doi:10.5539/ijel.v8n7p42
- Nur Hasanah Hamzah & Abdul Halim Abdullah. 2017. Mathematics Learning Activities Based on Thinking Maps for Forms One and Two. *Man in India* 97(17): 79–93.
- Rogers, E. M. 1983. Diffusion of Innovations, hlm. Third Edit. New York: The Free Press. doi:10.1002/chp.4750170109
- Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. 2015. Keberkesanan Peta Pemikiran (i-Think) dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5(2): 31–37.

- Roselizam Daud & Roslan Ab Rahman. 2020. Persepsi Guru terhadap Penggunaan Peta Pemikiran i-Think dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 124–140.
- Saleh, S. & Mazlan, A. 2019. The Effects of Brain-based Teaching with i-Think Maps and Brain Gym Approach towards Physics Understanding. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia* 8(1): 12–21. doi:10.15294/jpii.v8i1.16022
- Serdyukov, P. 2017. Innovation In Education: What Works, What Doesn't , And What To Do About It? *Journal of Research in Innovative Teaching & Learning* 10(1): 4–33. doi:10.1108/JRIT-10-2016-0007
- Setar, E. D., Awang, M. M. & Dahalan, S. C. 2019. The Use of I-Think Maps to Increase Mastery of Facts in History Education. *Social Sciences, Education and Humanities (GCESSSEH)* 2: 81–85.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2018. Inovasi Pendidikan Islam: Inspirasi dan Transformasi. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM).
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. 2019. Salman al-Farisi sebagai Model Inovator Unggul. *Journal of Hadith Studies* 4(2): 13–20.
- Zamri Mahamod, Akup, A. A. & Hadi Hassan. 2019. The Effectiveness of Using I-Think Thinking Map in Enhancing the Mastery of Malay Language Essay Writing Skills of Form 6 in Mukah District The Effectiveness of Using I-Think Thinking Map in Enhancing the Mastery of Malay Language Essay Writing Skills of. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development* 8(4): 386–401. doi:10.6007/IJARPED/v8-i4/6543

